

**SIARAN AKHBAR**  
**16 JULAI 2019**

## **EKUINAS LUPUSKAN SELURUH KEPENTINGAN DALAM APIIT LANKA**

**Sorotan Penting:-**

- Ekuinas, bersama dengan rakan-rakan minoritinya, telah melupuskan seluruh kepentingan ekuiti dalam penyedia pendidikan tinggi swasta terkemuka, APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka), kepada BG Investments Pte Ltd (BG Investments) berasaskan nilai perusahaan kira-kira RM41.0 juta.
- Pelupusan ini menghasilkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Kasar sebanyak 17.5% bersamaan 2.2 kali modal dilaburkan.
- Kini, APIIT Lanka adalah salah satu penyedia program ijazah antarabangsa terbesar di Sri Lanka. Ditubuhkan pada tahun 2000, APIIT Lanka ialah usaha sama antarabangsa antara Asia Pacific University of Technology and Innovation di Malaysia (APIIT) dan Expo Lanka, yang mempunyai hubungan dengan pelbagai universiti bereputasi tinggi di United Kingdom dan Australia. Sejak penubuhannya, APIIT Lanka telah melahirkan hampir 2,000 graduan.

**KUALA LUMPUR, 16 JULAI 2019:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan pelupusan seluruh kepentingan ekuitinya, bersama dengan rakan-rakan minoriti, dalam penyedia pendidikan swasta terkemuka, APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka), berasaskan nilai perusahaan kira-kira RM41.0 juta kepada BG Investments Pte Ltd (BG Investments).

BG Investments ialah sebuah syarikat pelaburan yang berpangkalan di Sri Lanka dengan pendedahan dalam industri seperti perkhidmatan kewangan, marin, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Mereka telah mengenal pasti pendidikan sebagai sektor berpotensi tinggi di Sri Lanka dan ingin mengembangkan jejak mereka dalam sektor ini melalui pengambilalihan ini.

“Keputusan Ekuinas untuk melupuskan pelaburan dalam APIIT Lanka adalah sejajar dengan strategi pelaburannya untuk melupuskan asetnya pada masa yang sesuai, di samping mencari rakan pelaburan yang tepat bagi aset tersebut. Dengan BG Investments, kami yakin bahawa ilmu, kepakaran dan sumber tempatan yang dimilikinya menjadikan mereka pemilik

paling sesuai yang boleh membawa APIIT Lanka ke peringkat pertumbuhan selanjutnya,” kata Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Ditubuhkan pada tahun 2000, APIIT Lanka ialah kerjasama antarabangsa antara Asia Pacific University of Technology and Innovation (APIIT) di Malaysia dan ExpoLanka Holdings PLC, yang mempunyai hubungan dengan pelbagai universiti bereputasi tinggi di United Kingdom dan Australia. Objektif APIIT Lanka adalah menyediakan pendidikan tinggi dengan tahap piawaian antarabangsa untuk melahirkan graduan yang kompetitif di peringkat global yang akan memenuhi permintaan masyarakat moden. Sejak penubuhannya, APIIT Lanka telah melahirkan kira-kira 2,000 graduan.

Syed Yasir Arafat menyambung, “APIIT Lanka telah berkembang dengan pesat dan telah menyumbang kepada salah satu pencapaian utama kami iaitu pembukaan kampus satelit baharu di Kandy. Langkah ini memberi peluang kepada APIIT Lanka mengembangkan perniagaannya dengan menambah bilangan program yang ditawarkan dan meneroka pasaran baharu. Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa pelupusan ini telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Kasar 17.5% bersamaan 2.2 kali modal dilaburkan. Ini membawakan jumlah hasil terealisasi Ekuinas mencecah lebih RM2.7 bilion.”

-Tamat-

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

#### **Hubungan Media:**

**Dau Ming Seling**  
Klareco Communications Malaysia

E: [dseling@klarecocomms.com](mailto:dseling@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
M: +6017-888 2808

**Lok Ru Jun**  
Klareco Communications Malaysia

E: [rlrok@klarecocomms.com](mailto:rlrok@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
M: +6012-325 6949